

STRATEGI PENYELIDIKAN ISLAM BERDASARKAN KAEDAH PENAAKULAN DALAM ILMU MANTIK

(Islamic Research Strategies based on Reasoning Methods in The Science of Mantiq)

Shahir Akram Hassan¹, Mohd Syahmir Alias²

ABSTRACT

In conventional research strategies, research should be based on logical and empirical methods. To make it logical and empirical, usually the researchers will use inductive method or deductive method. Inductive method is a research strategy that concludes general conclusions from specific cases, while the deductive method is a formulation of specific conclusion based on general statements. The question is, whether the inductive method and deductive method is suitable as a research strategies which regard to the affairs of Islam that based on al-Qur'an and Hadith? Why don't an Islamic research strategy be build by adapting *mantiq* that has been refined by Muslim scholars? This paper answers the questions with two objectives. First, to identify methods of reasoning in logic. Second, to analyze the strategy of research by the approach of *mantiq* reasoning. This paper handled by a documentary study and content analysis method. As a result, there are three methods of *mantiq* reasoning that can be used as Islamic research strategies. First, *istiqla'*; second, *qiyas*; and third, *tamthil* also known as *qiyas usuli*. The analysis also found that *istiqla'*, *qiyas* and *tamthil* are deeper methods and brought to the certainty level of knowledge.

Keywords: Islamic research strategies, logic (*mantiq*), inductive, deductive, analogy (*tamthil*)

ABSTRAK

Dalam strategi penyelidikan lazim, sesuatu penyelidikan yang dibuat mestilah berasaskan kaedah yang logik dan empirik. Bagi menjadikannya logik dan empirik, kebiasaannya para penyelidik akan menggunakan kaedah induktif atau kaedah deduktif. Kaedah induktif ialah strategi penyelidikan yang menyimpulkan rumusan umum daripada kes-kes khusus, manakala kaedah deduktif pula ialah strategi yang menyimpulkan rumusan khusus berasaskan pernyataan-pernyataan umum. Persoalannya, adakah kaedah induktif dan kaedah deduktif ini sesuai dijadikan strategi penyelidikan berkaitan hal ehwal Islam yang berpaksikan al-Qur'an dan Hadith? Mengapakah tidak dibina strategi penyelidikan Islam yang diadaptasi daripada ilmu mantik yang telah dihalusi oleh para ilmuwan Islam? Makalah ini menjawab persoalan tersebut melalui dua objektif. Pertama, mengenal pasti kaedah-kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. Kedua, menganalisis strategi penyelidikan Islam berdasarkan kaedah-kaedah penaakulan ilmu mantik tersebut. Makalah ini menggunakan kajian dokumen dan kaedah analisis kandungan. Hasilnya, terdapat tiga kaedah penaakulan yang boleh digunakan dalam ilmu mantik sebagai strategi penyelidikan Islam. Pertama, *istiqla'*; kedua, *qiyas*; dan ketiga, *tamthil* atau dikenali sebagai *qiyas usuli*. Analisis ini juga mendapati kaedah *istiqla'*, *qiyas* dan *tamthil* lebih mendalam dan membawa kepada ilmu pada tahap *yaqin*.

Kata kunci: strategi penyelidikan Islam, ilmu mantik, *istiqla'*, *qiyas*, *tamthil*

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, shahirakram@usm.my.

² Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, syahmir@usm.my.

PENDAHULUAN

Makalah ini bertujuan membincangkan pembinaan suatu strategi penyelidikan berasaskan bidang ilmu dalam tradisi Islam iaitu ilmu mantik. Strategi penyelidikan bermaksud cara yang diambil untuk menjawab persoalan kajian dengan menentukan titik permulaan, langkah-langkahnya dan titik penamat. Berdasarkan kaedah penyelidikan lazim, sekurang-kurangnya terdapat empat strategi dalam penyelidikan. Pertama, strategi induktif; kedua, strategi deduktif; ketiga, strategi retroduktif; dan keempat, strategi abduktif (Blaikie, 2009). Namun, dua strategi utama yang lazimnya digunakan ialah strategi induktif dan strategi deduktif. Strategi retroduktif dan strategi abduktif pula timbul hasil daripada perbezaan pada peringkat falsafahnya. Walau bagaimanapun, strategi induktif dan strategi deduktif tersebut berasal daripada kaedah penaakulan dalam ilmu logik iaitu kaedah induktif dan kaedah deduktif. Namun dalam konteks kaedah penyelidikan, kedua-dua kaedah ini disebut sebagai strategi penyelidikan kerana ia merangkumi falsafah, tatacara dan instrumen yang digunakan dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan (Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Blaikie, 2006).

Makalah ini membincangkan sekurang-kurangnya empat perkara. Pertama, perbincangan mengenai strategi penyelidikan lazim. Kedua, perbincangan mengenai konsep penyelidikan Islam. Ketiga, pengenalan kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. Keempat, penganalisisan strategi penyelidikan Islam berdasarkan ilmu mantik. Strategi penyelidikan lazim dibincangkan sebagai gambaran awal kepada kaedah penaakulan dalam strategi penyelidikan yang digunakan pada masa kini. Perbincangan berkenaan strategi penyelidikan lazim perlu dilakukan kerana setelah difahami berkenaan strategi penyelidikan, barulah dapat dilihat kedapatannya dalam ilmu mantik.. Setelah difahami, barulah strategi penyelidikan Islam berdasarkan ilmu mantik yang menjadi objek perbincangan makalah ini dapat dianalisis dengan lebih jelas.

STRATEGI PENYELIDIKAN LAZIM

Menurut Abdul Rahman Abdullah (2005), dua kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan ialah kaedah induktif dan kaedah deduktif. Kaedah induktif ialah penaakulan daripada kes khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum, manakala kaedah deduktif pula ialah penaakulan daripada rumusan umum kepada kes-kes khusus. Kaedah induktif bertujuan menghasilkan ilmu baru. Kaedah induktif yang menalar dari kes-kes khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum pastinya akan menghasilkan ilmu baharu dan memperkembangkan lagi ilmu pengetahuan yang ada. Oleh sebab kaedah induktif menghasilkan ilmu yang baharu, maka kebenaran kesimpulannya tidak terjamin. Antara ciri kaedah induktif ialah pertama, skop kesimpulan mestilah melebihi skop bukti; kedua, bukti yang dikemukakan tidak boleh dijadikan asas kepada kesimpulan; dan ketiga, kesimpulan yang didapati mungkin tidak benar walaupun bukti-bukti yang dikemukakan adalah benar.

Berbanding kaedah induktif, kaedah deduktif pula menjamin kekuatan kesimpulan yang diperolehi daripada bukti-bukti tertentu atau khusus. Sekiranya premis yang digunakan adalah benar, maka penghujahan yang dihasilkan adalah kukuh. Hal ini menjadikan kaedah deduktif senang untuk dinilai kesimpulannya sama ada benar ataupun tidak benar (Boyd, 2003). Menurut Boyd (2003), kaedah deduktif mempunyai tiga ciri. Pertama, skop kesimpulan mestilah tidak melebihi skop pembuktian. Kedua, pembuktian yang disediakan mestilah merupakan asas kepada kesimpulan. Ketiga, kesimpulan mestilah benar sekiranya bukti-bukti yang didatangkan adalah benar. Berdasarkan ciri-ciri ini, kaedah deduktif akan menghasilkan kesimpulan yang benar kerana deduktif tidak menghasilkan maklumat yang baharu atau perkembangan dalam ilmu pengetahuan.

Sebagaimana berbezanya pengertian dan ciri-ciri dalam kaedah induktif dan kaedah deduktif, begitu jugalah berbezanya instrumen-instrumen yang digunakan. Misalnya, bagi kaedah induktif, generelisasi, penghujahan analogi, penaakulan statistik, penerangan, teori

kebarangkalian, induksi enumeratif dan penaakulan sebab akibat menjadi instrumennya yang penting, manakala bagi kaedah deduktif, instrumennya yang utama ialah proposisi, penghujahan bersyarat, silogisme, penghujahan dan logik predikat digunakan (Kelley, 1998).

KONSEP METODOLOGI PENYELIDIKAN ISLAM

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008), metodologi penyelidikan Islam masih belum wujud secara lengkap. Oleh yang demikian, definisi khusus yang memberikan pengertian terhadap metodologi ini masih belum ada melainkan penumpuan diberikan kepada ciri-ciri tertentu yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam menyatakan idea pembentukannya. Oleh itu, konsep penyelidikan Islam mengambil kira kriteria metodologi ini. Sekurangnya terdapat tiga orang penulis yang berusaha mengemukakan idea pembentukan metodologi ini iaitu Louay Safi (1996), Fazlur Rehman Faridi (1999) dan Muhammad Syukri Salleh (2008 & 2011).

Menurut Louay Safi (1996), metodologi penyelidikan Islam ialah sebuah metodologi ilmiah alternatif untuk mengkaji ilmu sosial yang menyepadukan kaedah penyelidikan Muslim klasik dengan kaedah penyelidikan Barat moden selaras dengan kehendak Islam. Metodologi tersebut berasaskan empat kriteria. Pertama, kesimpulan akhir bagi satu-satu kajian yang dibuat perlu mengambil kira kelompok sosial yang belum diuji lagi perilakunya. Kedua, pendekatan tindakan-teori dengan pendekatan sistem-teori perlu digabungkan bagi mengelakkan pendekatan sistem-teori yang tidak berkembang. Ketiga, pemutlakan (*absolute*) dan penisbian (*relative*) dalam sesuatu kajian perlu dielakkan kerana melibatkan kerangka daripada sumber wahyu. Keempat, segala bentuk etika (aksiologi) dan realiti penyelidikan seperti pemusatan kebudayaan (*ethnocentrism*) perlu dijelaskan dengan baik.

Walaupun bagaimanapun, bagi Fazlur Rehman Faridi (1999) pula, pentakrifan metodologi penyelidikan Islam perlu mementingkan aspek kerohanian. Justeru, beliau menyatakan empat ciri penting dalam metodologi ini. Pertama, pemerolehan ilmu pengetahuan. Kedua, penyingkapan kebenaran yang hakiki. Ketiga, pengukuhan kepada mengenali Allah SWT. Keempat, pengamalan nilai-nilai kemanusiaan (aksiologi) dalam penyelidikan. Malah, menurut beliau lagi, kriteria tersebut dapat menjadikan kaedah eksperimen dan empirik lebih halus dan terperinci serta membentuk acuan kesempurnaan peribadi seorang penyelidik Muslim.

Manakala, perbincangan yang lebih terkini yang menyentuh aspek tunjang dalam metodologi penyelidikan Islam adalah hasil penelitian Muhammad Syukri Salleh (2008 & 2011). Menurut beliau, metodologi penyelidikan Islam merupakan metodologi yang memenuhi tiga ciri asasnya. Pertama, gabungan di antara ilmu *daruri* dan dalil *'aqli* dengan ilmu *nazari* dan dalil *naqli*. Kedua, paksinya ialah epistemologi dan tasawur Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Ketiga, penggunaannya adalah penting khususnya kepada penyelidik Islam untuk mengkaji perkara berkaitan Islam dan orang Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2008).

Setakat ini, kaedah penyelidikan yang dominan dalam kalangan penyelidik Islam adalah berdasarkan kaedah saintifik (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Oleh itu, penerokaan semula terhadap falsafah dan teknik-teknik penyelidikan Islam berdasarkan sumber wahyu serta tradisi penyelidikan Islam silam dan semasa perlu dilakukan secara berterusan untuk membentuk metodologi penyelidikan Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2008). Ciri-ciri metodologi penyelidikan Islam oleh Louay Safi (1996) dan Fazlur Rahman Faridi (1999) disintesis bersama-sama dengan takrifan Muhammad Syukri Salleh (2008 & 2011) untuk menjelaskan konsep penyelidikan Islam.

Konsep penyelidikan Islam dalam makalah ini ditakrifkan secara operasionalnya sebagai penyelidikan yang menggabungkan ilmu *daruri* dan dalil *‘aqli* dengan ilmu *nazari* dan dalil *naqli*; kedua, bertunjangkan epistemologi dan tasawur Islam; ketiga, berasaskan pengamalan dan pemahaman aksiologi Islam; keempat, berpandukan kerangka pelaksanaan kajian-kajian terhadap Islam dan orang Islam; dan kelima, didasari oleh tradisi penyelidikan Islam silam dan semasa.

KAEDAH PENAAKULAN DALAM ILMU MANTIK

Berdasarkan konsep penyelidikan Islam yang dibincangkan sebelum ini, jelas bahawa strategi penyelidikan yang ingin dibina adalah berasaskan epistemologi (sumber ilmu) Islam, dan didasari oleh tradisi penyelidikan Islam. Oleh yang demikian, salah satu ilmu yang menepati ciri tersebut ialah ilmu mantik. Dalam ilmu mantik, bagi mendapatkan keputusan atau mendatangkan dalil, sekurang-kurangnya terdapat tiga kaedah penaaakulan yang telah dibina. Pertama, *istiqra’*; kedua, *qiyas*; dan ketiga, *tamthil*.

(a) *Istiqra’*

Istiqra’ jika diterjemah secara harfiah bermaksud induksi. Berdasarkan ilmu mantik, *istiqra’* ialah kajian yang dilakukan terhadap perkara-perkara *juz’iyyah* (khusus) sepenuhnya atau sebahagian daripadanya untuk sampai kepada kesimpulan umum yang menyeluruh (al-Habannakah, 1993:200). *Istiqra’* terbahagi kepada dua iaitu *istiqra’ tam* dan *istiqra’ naqis*. *Istiqra’ tam* ialah kajian yang dilakukan terhadap perkara-perkara *juz’iyyah* sepenuhnya, manakala *istiqra’ naqis* pula ialah kajian yang dilakukan terhadap sebahagian daripada perkara-perkara *juz’iyyah*. *Istiqra’* mempunyai tiga peringkat. Pertama, peringkat *al-tajribah wa al-mulahazah* (ujikaji dan pemerhatian). Kedua, peringkat *al-furudh al-‘ilmiyyah* (membuat hipotesis). Ketiga, peringkat *tahqiq al-furudh* (pembuktian hipotesis).

Menurut al-Habannakah, (1993:225), perbezaan *istiqra’* dalam ilmu mantik dengan kaedah induktif dalam strategi penyelidikan lazim ialah pada peringkat ketiga. Dalam mentahkikan hipotesis, kaedah induktif menggunakan pendekatan *bawaqi*, manakala *istiqra’* menggunakan pendekatan *al-sabr wa al-taqsim*. Pendekatan ini misalnya digunakan untuk menentukan *‘illah al-hukm* (sebab sesuatu hukum) dalam ilmu usul fiqh. Kelemahan kaedah *bawaqi* ialah setelah hipotesis-hipotesis dapat dibuktikan, hipotesis yang tidak dapat dibuktikan juga diambil sebagai benar. Berbeza dengan kaedah *al-sabr wa al-taqsim* pula, ia adalah lebih objektif kerana mengasingkan hipotesis-hipotesis yang tidak diterima dan tidak dapat dijelaskan. Oleh itu, *istiqra’* dapat membuat kenyataan umum hasil daripada hipotesis yang berulang-ulang.

(b) *Qiyas*

Definisi *qiyas* ialah pengambilan kesimpulan berasaskan dua jenis *qadiyah* (premis) yang mengandungi unsur bersamaan dan salah satunya harus sejagat. *Qiyas* merupakan perbandingan antara dua perkara dengan perkara yang ketiga, maka *qiyas* itu harus mengandungi tiga lafaz. Daripada ketiga-tiga lafaz itu tersusun tiga *qadhiyah* seperti berikut. *Qadiyah* pertama menisbahkan salah satu daripada dua perkara kepada perkara yang ada persamaannya. *Qadiyah* kedua menisbahkan perkara yang kedua kepada perkara yang ada persamaannya. *Qadiyah* ketiga menisbahkan salah satu daripada dua perkara kepada perkara yang lain.

Qadiyah ketiga akan menghasilkan kebenaran yang sama dengan kebenaran yang ada pada dua *qadiyah* yang terdahulu itu. Jika sesuatu *qadiyah* itu benar, maka lazimnya, *qadiyah* itu menimbulkan suatu *qadiyah* yang lain dan baharu. Contohnya seperti berikut:

Qadiyah major: Semua manusia fana (pasti akan mati).

Qadiyah minor: Socrates adalah manusia.

Qadiyah kesimpulan: Socrates pasti (akan) mati.

Berdasarkan *qadiyah* yang tersusun dalam contoh tersebut, *qiyas* menyandarkan sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan perantaraan suatu yang ketiga untuk menghubungkan keduanya. Secara jelasnya, besi disandarkan kepada perkara yang kedua iaitu logam, maka logam sebagai hal yang kedua dapat dihubungkan dengan unsur sebagai perantara ketiga. Maka, dapat diambil kesimpulan bahawa terdapatnya hubungan antara besi dengan unsur. Oleh sebab itu, *istidlal* (pembuktian) seperti inilah disebut *qiyas* (Ahmad Damanhuri, 2006).

(c) Tamthil

Selain daripada *istiqra'* dan *qiyas*, terdapat kaedah yang ketiga dalam ilmu mantik iaitu *tamthil*. *Tamthil* ialah kata-kata pengarang pada *qadiyah* yang mengandungi penerangan yang *musyarakah* (persamaan) *juz'i* bagi *illah qadiyah* yang satu lagi. Oleh sebab itu, disabitkan hukum *qadiyah* pertama kepada *qadiyah* kedua. Contohnya, burung boleh terbang kerana mempunyai sayap. Sekiranya manusia mampu membuat sayap seperti burung yang mampu mengepak dan mengawal arah, maka manusia juga boleh terbang.

Bagi membentuk *tamthil*, terdapat empat rukun yang perlu dipatuhi. Pertama, asal. Kedua *al-furu'*. Ketiga, *'illah* yang mengumpulkan sebab dibuat *tamthil* sama ada sebab yang zahir atau hukum yang disandarkan kepada asal. Keempat, sebab zahir atau hukum asal bagi sesuatu perkara. Jika empat rukun tersebut dapat disempunakan, maka barulah *al-furu'* dapat menggunakan hukum yang terdapat pada asal. *Tamthil* juga dikenali sebagai *qiyas usuli* (al-Habannakah, 1993). Dinamakan *qiyas usuli* kerana *qiyas* dalam ilmu *usul fiqh* merupakan proses yang diambil daripada empat rukun *tamthil* tadi. Walau bagaimanapun, perkara yang membuatkan *qiyas usuli* ini lebih kuat ialah hukum asal atau sandaran asal diambil daripada nas, iaitu al-Qur'an atau Hadith.

STRATEGI PENYELIDIKAN ISLAM BERDASARKAN ILMU MANTIK

Daripada tiga strategi penyelidikan menurut ilmu mantik, dua daripadanya telah diamalkan dalam penyelidikan lazim yang dikenali sebagai kaedah induktif dan kaedah deduktif. Secara umumnya, kaedah induktif dan kaedah deduktif adalah hampir sama dengan *istiqra'* dan *qiyas*, tetapi mempunyai beberapa perbezaan. Secara umumnya, penyelidikan Islam tidak menolak kaedah induktif dan kaedah deduktif. Namun secara lebih khusus, *istiqra'* dan *qiyas* lebih sesuai dalam penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam. Malah, *tamthil* juga telah digunakan secara meluas oleh ilmuwan Islam sejak dahulu lagi.

Istiqra' merupakan proses membuat generalisasi daripada hipotesis-hipotesis yang berulang, namun terdapat perbezaan dengan kaedah induktif dalam penyelidikan lazim melalui *al-sabr wa taqsim* (al-Habannakah, 1993). Kaedah deduktif pula menyerupai *qiyas* dalam ilmu mantik, namun *qiyas* mempunyai pelbagai bentuk dan mempunyai *lawahiq al-qiyas* sebagai instrumen untuk menilai *qiyas* dan menjaganya daripada melakukan kesilapan.

Tamthil pula tidak digunakan sebagai suatu strategi penyelidikan dalam kaedah penyelidikan lazim. Namun dengan sandaran sumber dalam Islam yang mencapai darjat *yaqin* iaitu al-Qur'an dan Hadith, *tamthil* boleh dijadikan strategi penyelidikan Islam, terutamanya dalam mendapatkan hukum yang tidak ada dalam nas, tetapi dapat dianalisis dan diambil hukum daripada nas yang hampir serupa dengannya berdasarkan beberapa syarat.

Selain itu, keputusan akhir bagi setiap strategi juga perlu diambil kira. Dalam ilmu mantik, sekurang-kurangnya terdapat empat kayu ukur ke atas sesuatu perkara. Pertama, *yaqin* iaitu apabila pengkaji pasti dengan perkara diketahuinya sama dengan perkara yang nyata. Dalam perkataan lain, *yaqin* disandarkan pada bukti yang kuat. Kedua, *zann* iaitu perkara

yang menghampiri *yaqin* sehingga hampir-hampir tiada yang mungkin dapat menyanggah perkara tersebut. Misalnya perkara-perkara yang melibatkan keadilan atau kelebihan. Walau bagaimanapun, menurut al-Habannakah (1993), terdapat dua bentuk *zann* iaitu *zann al-rajiḥ* dan *zann al-marjūh*. *Zann al-rajiḥ* ialah *zann* yang lebih hampir kepada *yaqin*, manakala *zann al-marjūh* ialah *zann* yang tertolak oleh *zann al-rajiḥ* dan kedudukannya jatuh di bawah *syakk*. Ketiga, *syakk* iaitu tahap kemungkinan berlaku perkara yang benar atau salah pada tahap yang setara. Benar tidak dapat mengatasi yang salah, manakala salah pula tidak dapat mengurangi yang benar. Keempat, *batil* iaitu perkara yang sama sekali tidak sampai pada tahap *yaqin*, *zann* dan *syakk*.

Keempat-empat kayu ukur ini menunjukkan yang setiap kenyataan atau ilmu dalam Islam, dikategorikan terlebih dahulu tahapnya. Jelasnya kedudukan mereka dalam sesuatu tahap, dapat menyusun kekuatan dan kedudukan sesuatu kenyataan atau ilmu. Hasilnya jelas bagaimanakah untuk menerima atau menolak sesuatu kenyataan atau ilmu itu. Untuk mendapatkan ilmu yang mencapai darjat *yakin* atau sekurang-kurangnya *zann al-rajiḥ*. Di sinilah kekuatan tiga strategi penyelidikan Islam itu tadi. Menurut al-Habannakah (1993) dan Ahmad Hasan (1986), *istiḡra'*, *qiyas* dan *tamthil* jika dilakukan dengan memenuhi syarat dan rukunnya, sekurang-kurangnya dapat menghasilkan pengetahuan pada tahap *zann*.

PENUTUP

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa sekurang-kurangnya terdapat tiga strategi penyelidikan yang diperoleh daripada kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. Pertama, *istiḡra'*; kedua, *qiyas*; dan ketiga, *tamthil*. Walaupun begitu, perkara yang menjadi ukuran ialah sejauh mana ketiga-tiga strategi tersebut dapat membawa kepada ilmu yang mencapai tahap *yaqin* atau sekurang-kurangnya peringkat *zann*. Pentingnya strategi penyelidikan yang dapat membawa kepada ilmu *yaqin* atau *zann* supaya dapat dimanfaatkan sebagai pengetahuan kepada Islam dan umat Islam.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana falsafah ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Rahman Abdullah. (2007). *Falsafah dan kaedah pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Adler, E. S. (2008). *How it's done: An invitation to social research*. California: Thomson/Wadsworth.
- Ahmad Damanhuri. (2006). *Idāh al-mubḥam fi al-ma'āni al-sullam*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Ahmad Hasan. (1986). *Analogical reasoning in Islamic jurisprudence*. Islamabad: The Islamic Research Institute.
- Al-Ghazzaliy, Abu Hamid. (2010). *Ihya' 'ulum al-din*. Beirut: Dar Sadir.
- Al-Habannakah, Abdul Rahman Hassan. (1993). *Dawabit al-ma'rifah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Jurjani, Ali Muhammad al-Syarif. (2000). *Al-ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mudarrisi, Muhammad Taqiy. (1992). *Al-mantiq al-Islami: Usuluh wa manahijuh*. Kaherah: Dar al-Bayan li al-Tiba'ah wa al-Nasr.
- Al-Quasini, Hassan Darwish. (t.t). *Syarh 'ala matn al-sullam fi al-mantiq*. Rabat: Maktabah Dar al-Iman.
- Al-Syanqiti, Muhammad. (2007). *Al-dhaw al-musyriq 'ala sullam al-mantiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syatibi, Abu Ishak. (1994). *Al-muwafaqat*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Blaikie, N. (2009). *Designing social research*. Cambridge: Polity Press.
- Boyd, R. (2003). *Critical reasoning and logic*. New Jersey: Pearson education Inc.

- Fazlur Rehman Faridi. (1999). *The need for an Islamic theory and methodology of history*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Johnson, R. M. (2007). *A logic book*. California: Thomson Learning.
- Kahane, H. & Cavender, N. (2002). *Logic and contemporary rhetoric*. California: Thomson Learning.
- Kelley, D. (1998). *The art of reasoning*. New York: W.W. Norton Company & Inc.
- Leonard, H. S. (1967). *Principles of reasoning: An introduction to logic, methodology, and the theory of signs*. New York: Dover Publications Inc.
- Louay Safi. (1996). *The foundation of knowledge: A comparative study in Islamic and methods of inquiry*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Mat Rofa Ismail. (1997). *Mantik dalam babak pemikiran ilmiah tamadun manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri Salleh. (2008). Kaedah penyelidikan berteraskan Islam: Keperluan, kedudukan dan hala tuju, *Pemikir*, 54(Okt-Dis), 133-164.
- Muhammad Syukri Salleh. (2011). Ke arah kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Dlm. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad & Roselee Shah Shahrudin (eds.). *Pengurusan ilmu, ekonomi dan pembangunan berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Neuman, W. L. (2006). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Blaikie, N. (2006). *Lima falsafah penyelidikan*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- Syukriadi Sambas. (2003). *Mantik: Kaidah berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Weathington, L. B. et al, (2010). *Research methods for the behavioral and social sciences*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan falsafah sains al-Quran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.